UJIAN PENTAKSIRAN SETARA STANDARD

BAHASA MELAYU TAHUN 5 2021

SEKOLAH KEBANGSAAN TABUAN HILIR , KUCHING

NAMA : **KELAS :**

Bahagian A

Arahan :

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B dan C. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 – 16

Bulatkan jawapan yang paling sesuai.

1 Isteri Encik Manaf memilih sehelai _____ untuk Amir.

A seluar

B selendang

C songkok

D selipar

LIVEWORKSHEETS

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 _____ itu bertelur di Pantai Rantau Abang.

A Ikan

B Katak

C Penyu

D Kura-kura

3 Chong Meng nyaris terkorban dalam kemalangan. Mujurlah _____ berjaya menyelamatkan diri.


A dia

B awak

C beliau

D kalian

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



LIVEWORKSHEETS

4 Encik Zikri membina se_____ rumah untuk ayahnya.

A biji

B buah

C bidang

D Kuntum

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5 Penyanyi yang _____ itu mempunyai ramai peminat.

A kacak

B segar

C cantik

D jelita

6 _____kah caranya padi di tuai?

A Siapa

B Mengapa

C Bagaimana

D Bila

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Adakah kamu _____ Haziq yang mengoyak buku ini?

A dan

B atau

C supaya

D kerana

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8 Aman, sila _____semasa meletakkan cermin mata,

A hati-hati

B meja-meja

C paru-paru

D buku-buku

LIVEWORKSHEETS

Soalan 9
Pilih ayat yang mengandungi Frasa Nama + Frasa Nama

9 A Ayah Iman peguam bela.

B Anak Puan Goh sungguh bijak.

C Tok Aman ke kebun sayurnya.

D Rumah Ali berwarna putih.

Soalan 10.
Pilih ayat majmuk yang betul.

10 A Izati membasuh beg atau kasut sekolah.

B Zahara membasuh tuala sambil mengelap tingkap.

C Hafiz menangis kerana terjatuh.

D Mei Mei belajar bersungguh-sungguh tetapi pandai.

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.
Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang **bergaris.**



LIVEWORKSHEETS

11 Cucu-cucu datuk saya sungguh gembira dalam majlis itu.

A riuh

B riang

C ketawa

D Sorak

Soalan 12

Pilih **perkataan berlawanan** bagi perkataan yang **bergaris**.



12 "Api itu semakin marak." kata Helmi.

A ganas

B malap

C panas

D letup

13 Mira disayangi sepenuhnya kerana dia _____ ibu bapanya.

A anak emas

B anak buah

C cahaya mata

D anak angkat

LIVEWORKSHEETS

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



14 A mandi peluh

B cekal hati

C ringan tulang

D hati batu

Soalan 15 dan 16.

Pilih ayat yang betul.

15 A Bakri dipuji hingga dia segak.

B Rumah sewa Latif dekat dengan masjid.

C Adli memandu tetapi makan keropok.

D Sungai Sarawak sangat nipis dan lebar.

16 A Bapa Kim Leng bekerja sebagai guru besar.

B Wah, cantiknya Motosikal kamu!

C Adam, Rahimi dan Rajan berbasikal ke Pasar.

D Emak membeli goreng pisang di gerai Mak Limah.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 17 hingga 20.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Hati-hati sewaktu berjalan,
Jangan sampai terpijak duri;
Hati-hati memilih kawan,
Agar tidak merosak diri.

Petang hari pergi ke pekan,
Hendak membeli barang keperluan;
Hormati kawan dan juga rakan,
Agar perselisihan dapat dielakkan.

Berlari-lari mengejar rerama,
Rerama berterbangan cantik warnanya;
Jika bertolak ansur dan bekerjasama,
Pasti persahabatan erat selamanya.

17 Apakah yang perlu kita lakukan untuk mengelakkan perselisihan faham?

A Kita hendaklah sentiasa menghormati kawan.
B Kita hendaklah sentiasa menyakiti kawan.
C Kita hendaklah sentiasa pergi ke pekan.
D Kita hendaklah sentiasa menipu kawan-kawan.

LIVEWORKSHEETS

18 Mengapakah kita mesti berhati-hati ketika berjalan?

A Supaya tidak terjatuh.

B Supaya tidak terpijak duri.

C Supaya tidak akan merosakkan diri.

D Supaya tidak tergelincir.

19 Apakah nilai murni yang terdapat dalam pantun diatas?

A Berani dan berdisiplin.

B Prihatin dan juga bertolak ansur.

C Bekerjasama dan bertolak ansur.

D Amanah dalam menjalankan tugas.

20 Kita mestilah sentiasa bertolak ansur dalam persahabatan agar _____.

A mudah bekerjasama.

B semua pekerjaan dapat diselesaikan dengan segera.

C persahabatan dapat dieratkan selamanya.

D kejayaan dapat dicapai.

LIVEWORKSHEETS